LATIHAN MIB 2 : 14/10/2021

SOALAN 1 – MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Tandakan dengan **(B)** bagi ayat-ayat yang **BETUL** dan **(S)** bagi ayat-ayat yang **SALAH**.

1. Kebersihan adalah sebahagian daripada iman. ( )
2. Memakai pakaian ketat adalah cara berpakaian menutup aurat. ( )
3. Menghargai masa adalah suatu perkara yang mulia di sisi slam. ( )
4. Menyemak resit pembelian barang untuk meneliti semula jumlah perbelanjaan. ( )
5. Berjimat cermat ialah merancang dan mengawal perbelanjaan secara teratur dan tidak boros. ( )
6. Elakkan diri dari sifat berdisiplin dan bersyukur. ( )
7. Kesan mata menjadi rabun jika kaca mata yang sudah tidak jelas kantanya, lama dan patah bingkainya. ( )
8. Merokok adalah baik untuk kesihatan. ( )
9. Kawan yang baik selalu mengajak kita supaya melakukan kejahatan. ( )
10. Kita perlu bercakap dengan rakan-rakan dengan mulut berbau busuk. ( )

LIVEWORKSHEETS

11. Cara bergaul yang terpuji adalah menggunakan nada suara yang sesuai. ( )

12. Menjaga kebersihan diri dengan mengamalkan mandi yang teratur. ( )

13. Kita mestilah menghina dan merendah-rendahkan maruah orang lain sehingga mereka berasa malu,tersinggung dan kecil hati. ( )

14. Fizikal bermaksud badan atau jasmani. ( )

15. Tindakan memaafkan orang yang kita sakitkan hatinya adalah suatu tindakan yang mulia. ( )

16. Salah satu cara menjaga kebersihan tempat tinggal ialah menyidai tuala di tempat yang khas. ( )

17. Bagi menjamin keselesaan ketika mengulangkaji pelajaran, pastikan meja belajar kotor dan bersepah. ( )

18. Manfaatkanlah masa dengan amalan yang berkebajikan.( )

19. Kita perlu suka bersaing, menunjuk-nunjuk dan berbangga-bangga dengan barang yang kita miliki. ( )

20. Antara cara menjaga dan mengamalkan gaya hidup sihat ialah memilih rakan sebaya yang sesuai dan pergaulan yang sopan. ( )

(20 MARKAH)

LIVEWORKSHEETS

SOALAN 3 – MENGISI TEMPAT KOSONG

Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

bersederhana	kematian	fizikal	bersyukur	mental
kepercayaan	merbahaya	menjolok	kebersihan	boros

1. Kita hendaklah mengambil berat akan _____ fizikal dan mental.
2. Kebersihan _____ amat penting agar sentiasa berfikiran positif walau dalam apa jau keadaan sekalipun.
3. Kebersihan _____ membantu kita berpenampilan hebat.
4. Jika penyakit yang dihidapi tidak diubati, ia akan menyakitkan badan kita hingga boleh menyebabkan _____
5. Orang yang berfikiran sihat dan menjaga keselamatan fizikalnya tidak akan melakukan perkara-perkara yang _____.
6. Sikap _____ akan mengelakkan kita dari pembaziran.
7. Seseorang yang _____ dalam berbelanja akan menyesal kerana menghabiskan wang pada perkara yang tidak perlu.
8. Perempuan perlu menjaga pakaiannya jangan sampai _____ mata kaum lelaki.
9. Seseorang yang _____ akan mendapat keberkatan dan ditambah lagi kebaikannya.
10. Orang akan hilang _____ kepada menteri itu jika dia tidak berlaku adil terhadap hak-hak mereka.

(10 MARKAH)

LIVEWORKSHEETS